

29 SEP 2000

Mahathir-PTD/

TUGAS MENCABAR PERLUKAN PTD LEBIH DEDIKASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata tugas Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang semakin mencabar kini memerlukan mereka supaya lebih berdedikasi dan boleh membuat pertimbangan sewajarnya tanpa mengira emosi dan sentimen.

Beliau mengingatkan mereka supaya menimba ilmu pengetahuan dan latihan dalam perkhidmatan awam bagi menghadapi cabaran tugas.

Katanya rakyat kini lebih peka akan hak-hak mereka dan oleh itu pegawai-pegawai PTD harus lebih bertanggungjawab.

Nasihat Perdana Menteri itu disampaikan oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mewakili Dr Mahathir pada majlis Makan Malam Persatuan Alumni Pegawai PTD di sini.

Najib sebelum itu menyampaikan ucapan maaf Perdana Menteri yang tidak dapat hadir pada majlis itu kerana kurang sihat.

"Saya diberi lapan `points' sahaja untuk dibacakan dan akan saya sampaikan mengikut pemahaman saya," kata Najib.

Kepada PTD yang telah bersara, Najib berkata Dr Mahathir mengingatkan bahawa pengalaman luas mereka semasa bertugas merupakan aset penting yang boleh digunakan untuk pembangunan negara.

Kepada mereka yang diamanahkan untuk mengemudi agensi dan syarikat kerajaan selepas tamat perkhidmatan, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kerana telah menjalankan tugas dengan baik sehingga membawa kejayaan agensi dan syarikat yang diterajui.

Najib berkata, Dr Mahathir turut mengingatkan PTD supaya prinsip PTD yang berkhidmat setia kepada kerajaan, hendaklah terus dipelihara.

Perdana Menteri berharap persatuan alumni PTD dapat terus membantu kerajaan mengeratkan hubungan awam dengan sektor swasta dan dapat menggembleng anggotanya untuk terus berkhidmat kepada kerajaan, kata Najib.

Selain pegawai PTD yang telah bersara, anggota persatuan itu turut dihadiri oleh pegawai PTD yang masih berkhidmat.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Presiden Persatuan Alumni PTD Tan Sri Sallehuddin Mohamed.

--BERNAMA

NZ NZ RI